



SEBAHAGIAN penduduk kampung yang tidak melepaskan peluang menyertai pertandingan serkap ikan di Kampung Rambutan, Kuala Nerang. - Gambar NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR



Rasa puas mandi lumpur

SETIAP peserta dikenakan yuran pendaftaran sebanyak RM3.

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Lebih 100 peserta terjun ke dalam petak sawah dalam misi tangkap ikan terbanyak

Kuala Nerang

Sebaik wisel dibunyikan, lebih 100 peserta terjun ke petak sawah dalam misi menangkap sebanyak mungkin ikan puyu, haruan, sepat dan keli walaupun terpaksa bermandi lumpur.

Untuk rekod, pertandingan serkap ikan di Kampung Rambutan ini dianjurkan Pusat Khidmat Wakil Rakyat Dewan Undangan Negeri (Dun) Kuala Nerang

di sini, Ahad lalu. Terdahulu, penduduk tanpa mengikut peringkat umur berkumpul mulai jam 2 petang dengan membawa serkap masing-masing sebelum pertandingan bermula tepat jam 3 petang. Tradisi turun-temurun masyarakat menangkap ikan menggunakan serkap hanya boleh dilakukan ketika sawah mula dibajak semula bagi musim penanaman padi baharu. Peserta, Jalil Hassan, 50, berkata, dia menyertai pertandingan itu secara kebe-

tulan kerana pulang bercuti di kampungnya di Naka. "Saya bekerja di Pulau Pinang dan kebetulan pula pulang bercuti. Adik maklumkan ada pertandingan ini dan saya tidak lepaskan peluang untuk menyertainya. "Sejak kecil, saya sudah biasa menangkap ikan di sawah dan ini peluang untuk saya melakukannya lagi. "Saya rasa puas dapat bersama penduduk berkongsi keseronokan dan keterujaan sambil mengimbau kenangan zaman kanak-kanak," katanya.

Bagi Azli Abdul Manaf, 39, berasal dari Kampung Pisang, dia menyertai pertandingan semata-mata mahu memeriahkan suasana. "Pertandingan ini pada saya lebih untuk mengeratkan silaturahim kerana yuran pendaftaran yang dikenakan cuma RM3. Paling seronok ialah dapat menyerkap ikan," katanya. Juara, Alif Aizat Mohd Hamizi, 12, berkata, dia seronok dapat menyertai pertandingan itu buat julung kalinya biarpun sudah biasa menyerkap ikan sejak be-

rusia lapan tahun bersama rakan. Katanya, dia gugup apabila melihat barisan peserta yang terdiri daripada penduduk kampung pelbagai lapisan umur yang turut bersama-sama mahu memeriahkan pertandingan itu. "Namun, selepas seekor demi seekor ikan dapat diserkap, saya mula rasa tenang. "Alhamdulillah, saya berjaya mendaratkan 800 gram puyu dan haruan," kata murid tahun enam Sekolah Kebang-

saan (SK) Seri Bakti di sini. Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Nerang Mohammad Yusoff @ Munir Zakaria berkata, tujuan pertandingan dianjurkan untuk merapatkan silaturahim, khususnya penduduk Kampung Rambutan. "Sambutan diterima cukup menggalakkan. Aktiviti seperti ini hanya dijalankan dua kali setahun sebelum pesawah mengusahakan semula sawah mereka untuk penanaman baharu," katanya.